

# Amal prinsip akal budi

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Nasihat Mahathir kepada k-tangan, pegawai Kerajaan

**KUALA LUMPUR, Ahad —** Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan mengamalkan prinsip akal budi dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab mereka.

Menurut Perdana Menteri, prinsip tersebut merupakan asas sebenar kepada bidang pengurusan dan pentadbiran.

Beliau juga menyeru pegawai dan kakitangan Kerajaan menunjukkan perhatian terhadap dua lagi ciri penting bidang pentadbiran iaitu 'rasa bertugas dengan mempunyai maksiud dan tujuan dan rasa bahawa setiap tugas memerlukan tindakan segera.'

Bagi membolehkan seseorang pegawai bertugas dengan sempurna, jelasnya, ia harus belajar dan membaca bagi meluaskan pengalamannya.

Berucap di majlis makan malam tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di sini malam ini, Perdana Menteri berkata:

"Bagi saya terdapat dua model pemerintahan atau pengurusan. Pertama ialah apabila kita begitu kagum dengan pencapaian kita hinggalah kita menjadi puas hati dan lalai hinggalah sesuatu keadaan membangunkan kita dari khayalan.

### Rendah

"Model kedua ialah apabila kita sentiasa berpendirian bahawa apa yang kita capai masih rendah jika dibandingkan dengan kemampuan dan kebolehan yang ada atau yang mungkin kita adakan, yang mengaktifkan kita sentiasa berusaha untuk membalik apa juga yang kita buat."

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga menegaskan konsep 'elit' Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) hendaklah membawa erti kepimpinan berjiwa rakyat selaras dengan hasrat Kerajaan mempercepat ialah pembangunan negara.

Beliau menggesa setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan memberi perhatian terhadap tiga aspek penting dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab mereka.

Tiga aspek tersebut ialah 'rasa bertugas dengan mempunyai maksiud dan tujuan, rasa bahawa setiap tugas memerlukan tindakan segera dan akal budi.'

Menurut Perdana Menteri, setiap pegawai Kerajaan terutama pegawai kanan, perlu berbuat demikian bagi 'mendukung era baru' dalam usaha meningkatkan prestasi jentera dan kemampuan Kerajaan.

"Saya yakin jika setiap pegawai PTD melengkapkan diri dengan tiga ciri penting ini, PTD akan membawa perubahan kepada satu perkhidmatan awam yang berpotensi dan dinamis.

"Saya mahu melihat fenomena ini berlaku dalam masa yang singkat-singkatnya," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata ungkapan 'perkhidmatan elit' mempunyai sejarahnya sendiri dalam sistem pentadbiran penjajah di mana terdapat unsur 'tuan dan hamba'.

"Selain merdeka dan selaras dengan hasrat kita untuk membawa negara kepada satu tahap pencapaian setaraf dengan negara-negara maju, konsep elit mestilah membawa erti kepimpinan berjiwa rakyat.

"Pegawai-pegawai Kerajaan adalah pengurus dan eksekutif yang bertanggungjawab menggerakkan jentera Kerajaan dalam usaha mencapai segala matlamat yang ditentukan," tegasnya.